



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 8 JANUARI 2025**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	PADAH TANGKAP 150kg IKAN SECARA HARAM, NEGARA, KOSMO -14 EMPAT NELAYAN DICEKUP TANGKAP 150 KILOGRAM IKAN SECARA HARAM, DALAM NEGERI, UM -10 NELAYAN TAMAK 'TARIK TEPI', LOKAL, HM -5 SPESIES IKAN TERLARANG MUDAH DIBELI DALAM TALIAN, DALAM NEGERI, UM -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5. 6.	12 KELUARGA NELAYAN DAPAT BANTUAN KEWANGAN RM132,000, NEGARA, KOSMO -8 LKIM SALUR RM132,000 KEPADA NELAYAN TERJEJAS KEBAKARAN DI TANJUNG DAWAI, BERITA RTM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8.	PGA RAMPAS BERAS, LEMBU, KENDERAAN BERNILAI LEBIH RM800,000 DI SEMPADAN, BERNAMA -ONLINE ANAK POKOK KELAPA PERCUMA DI KARNIVAL PERTANIAN MASJID TANAH 2025, MELAKA HARI INI -ONLINE	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2025	KOSMO	NEGARA	14



NELAYAN dan tangkapan yang dirampas dalam operasi di perairan berdekatan Sungai Janggut, Klang semalam.

Padah tangkap 150kg ikan secara haram

KLANG – Kegiatan empat nelayan menangkap 150 kilogram (kg) ikan secara haram berakhir selepas mereka ditahan pasukan Maritim Malaysia (APMM) pada kedudukan 2.55 batu nautika barat Sungai Janggut di sini semalam.

Kesemua mereka termasuk dua warga Myanmar berusia 33 hingga 45 tahun itu ditangkap pada pukul 3.25 pagi ketika leka menangkap ikan di lokasi tersebut.

Pengarah Maritim Selangor, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, pemeriksaan pihaknya mendapati bot tersebut dikendalikan seorang tekong tempatan bersama tiga kru termasuk dua lelaki asing.

"Semakan mendapati dua lelaki Myanmar itu tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah, permit kerja atau su-

rat kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan untuk bekerja atas bot," katanya kepada pemberita semalam.

Menurut Abdul Muhaimin, kesemua nelayan itu dan hasil tangkapan dibawa ke Jeti Pasukan Polis Marin Pulau Indah untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana kesalahan melanggar syarat sah lesen dan menggajikan warga asing tanpa kebenaran. Siasatan turut dijalankan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

"Pihak kami tidak akan berkompromi dengan mana-mana pelanggaran syarat sah lesen yang dibenarkan yang dikhuatiri menjejaskan keseimbangan ekosistem dan pendapatan nelayan yang menangkap ikan di kawasan perairan bawah lima batu nautika," kata beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10



EMPAT nelayan ditahan dalam operasi di sekitar perairan berdekatan Sungai Janggut, Klang, semalam.

Empat nelayan dicekup tangkap 150 kilogram ikan secara haram

KLANG: Tindakan empat nelayan menangkap 150 kilogram (kg) ikan secara haram menggundang padah apabila dicekup pihak berkuasa kira-kira 2.55 batu nautika barat Sungai Janggut di sini, semalam.

Kesemua lelaki termasuk dua warga Myanmar berusia 33 hingga 45 tahun itu ditahan ketika menaiki sebuah bot nelayan tempatan, kira-kira pukul 3.25 pagi.

Penahanan dilakukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor itu turut merampas pelbagai ikan

campur di dalam bot tersebut.

Pengarah Maritim negeri, Kepten Maritim Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, perkara itu dikesan ketika pihaknya menjalankan rondaan rutin penguatkuasaan di sekitar perairan Selangor.

Menurutnya, rondaan mendapati sebuah bot kelas B1 melakukan aktiviti menangkap ikan kira-kira kurang lapan batu nautika dari daratan.

“Bot itu dikendalikan seorang tekong warga tempatan selain tiga kru termasuk dua lelaki

warga asing.

“Semakan mendapati dua lelaki Myanmar itu tiada dokumen pengenalan diri sah, permit kerja atau surat kebenaran Ketua Pengarah Perikanan untuk bekerja di atas bot berkenaan,” katanya.

Katanya, pihaknya turut menerima banyak aduan daripada nelayan tradisional mengenai aktiviti ‘tarik tepi’.

Sikap tamak segelintir pengusaha bot dikhuatiri menjejaskan keseimbangan ekosistem dan pendapatan nelayan yang di perairan bawah lima batu nautika.

Nelayan tamak 'tarik tepi'

Tekong bersama 3 pekerja bot nelayan ditahan bersama 150kg ikan langgar syarat sah lesen

Oleh Norzamira Che Noh
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang tekong bersama tiga pekerja bot nelayan kelas B1 ditahan dengan 150 kilogram hasil tangkapan ikan di kedudukan 2.55 batu nautika barat Sungai Janggut, dekat Pulau Indah, semalam.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Selangor (Kapten Abdul Muhaimin Muhammad Salleh berkata, tangkapan itu dilakukan pada jam 3.25 pagi oleh kapal maritim yang sedang melak-



Maritim Malaysia tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pelanggaran syarat sah lesen yang dibenarkan"

Abdul Muhaimin

sanakan rutin operasi di perairan Selangor.

"Semasa rondaan, kapal maritim mengesan bot nelayan kelas B1 berkenaan sedang leka melakukan aktiviti

menangkap ikan di kedudukan kurang lapan batu nautika dari daratan.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati bot itu dikendalikan oleh seorang tekong warga tempatan berumur 41 tahun dan tiga pekerja, iaitu seorang warga tempatan berumur 38 tahun manakala dua lagi warga Myanmar masing-masing berumur 45 dan 33 tahun," katanya.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut mendapati dua kru warga asing itu gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah dan permit kerja atau surat kebenaran dari Ketua Pengarah

Perikanan Malaysia untuk bekerja di atas bot berkenaan.

Katanya, semua mereka ditahan bersama hasil tangkapan ikan campur yang dianggarkan seberat 150 kilogram sebelum diiring ke Jeti Pasukan Polis Marin, Pulau Indah untuk siasatan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menunda atau melakukan aktiviti penangkapan ikan di bawah lapan batu nautika selain pemilik mengagajikan warga asing tanpa kebenaran.

"Kes juga disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63

kerana dua kru tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Muhaimin berkata, pihaknya menerima aduan mengenai kegiatan 'tarik tepi' yang mana sikap tamak segelintir pengusaha bot nelayan dikhuatiri boleh menjejaskan keseimbangan ekosistem serta mata pencarian nelayan tradisional yang bergantung hidup hanya di kawasan perairan di bawah lima batu nautika.

"Oleh itu, Maritim Malaysia tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pelanggaran syarat sah lesen yang dibenarkan," katanya.



Bot nelayan yang ditahan Maritim Malaysia di Pulau Indah, Shah Alam

TEKONG dan tiga pekerja ditahan menangkap ikan di perairan bawah lapan batu nautika di Pulau Indah, Shah Alam

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

Spesies ikan terlarang mudah dibeli dalam talian

Oleh MOHAMAD HAFIZ
YUSOFF BAKRI
hafiz.yusoff@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Walaupun dikategorikan spesies larangan untuk diimport dan dimiliki oleh Jabatan Perikanan, beberapa jenis ikan asing masih dijual secara berleluasa dalam platform e-dagang dan media sosial.

Spesies ikan seperti *peacock bass*, *flower horn* dan *redtail catfish* dengan mudah boleh diperolehi dalam platform terbabit.

Dengan harga dari RM20 sehingga mencecah RM400 se ekor, peminat ikan hiasan boleh mendapatkan spesies larangan ini dengan mudah tanpa sebarang sekatan.

Malah, spesies *aligator fish* yang berasal dari Hutan Amazon Amerika Selatan turut dijual secara meluas.

Utusan Malaysia difahamkan, masalah bermula apabila ada pengusaha atau pemilik ikan terbabit tidak mampu memelihara spesies berkenaan disebabkan beberapa faktor seperti kos makanan yang tinggi selain tidak mahu membelanya lagi disebabkan faktor tumbesaran yang cepat.

Mereka kemudiannya melepaskan ikan-ikan tersebut ke dalam sungai atau empangan tertentu.

Ini sekaligus memberi ancaman kepada ikan tempatan apabi-



PENGASAS Skuad Pemburu Ikan Asing (SPIA) Mohd. Haziq A. Rahman (paling kanan) bersama dua ahli skuad itu menunjukkan tangkapan ikan bandaraya di Sungai Kuyoh, berhampiran kawasan Rehat dan Rawat (RnR) Awan Besar dekat Kuala Lumpur, baru-baru ini.

la spesies berkenaan menjadikan sungai utama di Perak, Selangor dan Pahang sebagai habitat.

Di samping itu, tinjauan *Utusan Malaysia* di beberapa kedai akuarium sekitar ibu negara turut mendapati sejumlah spesies ikan bandaraya yang dibawa dari negara luar turut dijual.

Penjualan tanpa kawalan melibatkan ikan spesies invasif dari luar negara seperti ini sudah semestinya memberi ancaman kepada ikan tempatan seperti kelah, patin buah, tengas, seba-

rau atau kerai.

Malah, tidak keterlaluan jika dikatakan spesies invasif ini semakin menguasai habitat tempatan.

Apa yang menimbulkan persoalan adalah bagaimana spesies terlarang ini boleh dijual di pasaran terbuka termasuk menerusi TikTok dan juga platform e-dagang secara meluas pada masa kini.

Sama ada ia berpunca daripada penguatkuasaan yang lemah atau sikap tiada kesedaran dalam

kalangan peminat ikan hiasan.

Pembiakan ikan terlarang dalam ekosistem sungai negara boleh menyebabkan kemusnahan keseluruhan hidupan asal, selain memerlukan kos tinggi untuk 'memulihkan keadaan'.

Jabatan Perikanan mewartakan Peraturan Perikanan yang melarang mana-mana individu mengimport, menjual, memelihara atau menyimpan beberapa spesies ikan hidup kerana terlalu berbahaya kepada ekosistem sungai dan tasik.

12 keluarga nelayan dapat bantuan kewangan RM132,000

SUNGAI PETANI – Seramai 12 keluarga nelayan yang menjadi mangsa kebakaran Ahad lalu, menerima bantuan kewangan segera berjumlah RM132,000, daripada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) semalam.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Padzil berkata, bantuan kewangan sebanyak RM11,000 untuk setiap keluarga itu bagi meringankan beban mangsa mendapatkan rumah sewa sementara.

Katanya, pihaknya dimaklumkan terdapat 14 rumah yang terlibat dalam kebakaran di Tanjung Dawai di sini dan 12 daripada mereka adalah keluarga nelayan.

"Jadi bagi bidang kuasa LKIM, kami telah menyampaikan sumbangan kepada 12 keluarga nelayan yang terjejas dengan ban-



MUHAMMAD FAIZ menyampaikan replika cek sumbangan kepada keluarga nelayan yang menjadi mangsa kebakaran di Tanjung Dawai, dekat sini, semalam.

tuhan sebanyak RM11,000 setiap seorang," katanya selepas menyampaikan bantuan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC) Choong Cheng, dekat sini, semalam.

Tambahnya, setakat ini pihak

LKIM telah mengadakan perbincangan awal dengan kerajaan negeri mengenai penempatan semula mangsa kebakaran me-

mandangkan tanah kawasan perumahan terbakar bukan milik LKIM.

Sementara itu, mangsa kebakaran, Yusof Ismail, 61, melahirkan rasa syukur dengan bantuan yang diberikan, namun berdepan sedikit kesulitan untuk mencari rumah sewa berdekatan kawasan Tanjung Dawai.

Yusof yang melecur di leher dan tangan dalam kebakaran tersebut memberitahu, buat masa ini, dia dan ahli keluarganya terpaksa memilih untuk tinggal dahulu di PPS sementara mencari rumah sewa berdekatan.

"Kawasan ini (Tanjung Dawai), susah sikit nak cari rumah sewa, kalau nak cari kawasan lain susah pula kami (nelayan) mahu berulang-alik ke laut setiap hari," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2025	BERITA RTM	ONLINE	

LKIM salur RM132,000 kepada nelayan terjejas kebakaran di Tanjung Dawai



Ketua Pengarah LKIM, Hamdan Mamat (tiga dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada nelayan yang terjejas kebakaran di perumahan Tanjung Dawai baru-baru ini

SUNGAI PETANI, 7 Januari - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyalurkan bantuan tunai segera berjumlah RM132,000 kepada mangsa kebakaran yang melibatkan 13 rumah di Tanjung Dawai, Sungai Petani, pada Ahad lalu.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil, berkata bantuan itu disalurkan menerusi Tabung Bencana Kebajikan Nelayan bagi meringankan beban nelayan yang terjejas akibat musibah tersebut.

“Ketika ini, penduduk yang terlibat ditempatkan di Penempatan Semula Nelayan (PSN) Tanjung Dawai dan ada yang menyewa di kawasan sekitar. Soal penggantian rumah akan disemak terlebih dahulu dari sudut bidang kuasa dan keupayaan kami untuk membantu mereka membina semula rumah,” katanya.

Beliau turut menjelaskan perumahan yang musnah telah diserahkan kepada LKIM oleh Lembaga Kemajuan Wilayah (KEDA) bagi memastikan kedudukan undang-undang berkaitan.

Muhammad Faiz berkata demikian kepada RTM selepas melawat Projek Smart Aqua Farming System di Pantai Merdeka di sini, hari ini.

Dalam kejadian Ahad lalu, sebanyak 13 buah rumah musnah sepenuhnya akibat kebakaran, manakala sebuah lagi mengalami kerosakan kecil. Insiden itu dipercayai berpunca daripada litar pintas.

taip untuk carian

JENAYAH & MAHKAMAH > BERITA

PGA Rampas Beras, Lembu, Kenderaan Bernilai Lebih RM800,000 Di Sempadan

🕒 07/01/2025 08:52 PM



KOTA BHARU, 7 Jan (Bernama) -- Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Tenggara merampas dua treler, lebih 35 metrik tan beras serta 14 ekor lembu dianggarkan bernilai lebih RM800,000 dalam dua rampasan berasingan di Pasir Mas dan Tanah Merah, hari ini dan semalam.

Komander Briged Tenggara PGA Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata pasukannya bersama Unit Kereta Peronda daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas menahan sebuah treler dalam keadaan mencurigakan di pangkalan haram Yasin di Lubok Gong,

"Hasil pemeriksaan di bahagian belakang treler ditemukan 35,290 kilogram (kg) beras Siam bernilai RM141,160 disyaki diseludup masuk dari Thailand.

"Seorang pemandu lelaki berusia 32 tahun gagal menunjukkan sebarang dokumen berkaitan beras yang dibawa telah ditahan dan siasatan lanjut dipercayai kesemua beras tersebut dibawa masuk dari negara jiran melalui laluan tidak sah," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya kesemua barangan rampasan termasuk beras dan treler jenis Volvo dianggarkan bernilai RM561,160 manakala suspek diserahkan kepada pihak Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk tindakan selanjutnya.

Sementara itu, anggota Batalion 9 PGA menahan sebuah treler jenis Hino yang membawa 14 ekor lembu bernilai RM136,500 di Sekatan Jalan Raya Lalang Pepuyu, 3.30 petang semalam.

Beliau berkata pemandu treler itu iaitu seorang lelaki berusia 26 tahun mengemukakan dokumen berkaitan lembu yang dibawa namun kesemua tag telinga haiwan itu tidak sama seperti dalam permit pindah binatang yang diberikan serta meragukan.

"Keseluruhan rampasan iaitu lembu dan treler dianggarkan bernilai RM321,500 telah dibawa ke Komtak Taman Bakti untuk tindakan lanjut oleh Jabatan Veterinar," katanya.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/1/2025	MELAKA HARI INI	ONLINE	

ANAK POKOK KELAPA PERCUMA DI KARNIVAL PERTANIAN MASJID TANAH 2025



TANJUNG BIDARA 7 Januari – Pelbagai aktiviti menarik termasuk agihan 3,000 anak pokok kelapa kepada pengunjung yang hadir diatur bagi memeriahkan penganjuran Karnival Pertanian Peringkat Parlimen Masjid Tanah 2025 di Japerun Tanjung Bidara, Ahad ini.

Setiausaha Japerun Tanjung Bidara, Ahmad Warid Ismail berkata, karnival pertama kali dianjurkan itu adalah program pembuka tirai 2025 yang diatur untuk memberikan manfaat kepada penduduk sekitar Parlimen

Masjid Tanah.

Katanya, antara aktiviti menarik lain diatur pada penganjuran program itu adalah Jualan Agro Madani, demonstrasi cara penghasilan produk minyak pati dan taklimat berkaitan tanaman kelapa.

“Bersempena karnival ini Jabatan Pertanian akan membekalkan sebanyak 5,500 anak pokok kelapa yang mana 3,000 adalah untuk diagihkan kepada pengunjung yang hadir.

“Selain itu setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Parlimen Masjid Tanah akan menerima 500 anak pokok kelapa,” katanya kepada Melaka Hari Ini.

Ahmad Warid berkata, bersempena penganjuran karnival itu turut berlangsung Program Pelepasan Benih Udang Galah ke perairan umum oleh Jabatan Perikanan Negeri.

“Pelepasan anak benih ini akan dilakukan di Pangkalan Nelayan Jeti Paya Lebar, Lubok China. Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh bersama Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh akan hadir.

“Justeru itu, kami amat mengalu-alukan kehadiran masyarakat setempat khususnya untuk bersama-sama memeriahkan penganjuran karnival yang julung kali diadakan ini,” katanya.